

# 253 projek perumahan terbengkalai diambil alih

**Kerajaan** terpaksa mengambil alih 253 projek perumahan swasta yang disahkan terbengkalai di seluruh Semenanjung dari 2009 hingga 28 Julai lalu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata daripada jumlah itu, 190 projek atau 75 peratus berjaya disiapkan dan diselesaikan Kementerian itu yang memberi manfaat kepada 34,451 pembeli.

"Sebanyak 15 projek atau enam peratus sedang dalam pelbagai peringkat pemulihan atau pembinaan dan baki 48 projek atau 19 peratus sedang

dalam perancangan awal pemulihan.

## **Guna dana kerajaan**

"Daripada 190 projek yang disiapkan atau diselesaikan itu, 32 projek dipulihkan menggunakan dana kerajaan dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan RM219.54 juta yang memberi manfaat kepada 5,079 pembeli," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Normala Abdul Samad (BN-Pasir Gudang) yang bertanya kriteria projek perumahan dikategorikan sebagai terbengkalai serta jumlah projek dan dana dike-

luarkan bagi menyiapkan projek perumahan terbengkalai, ketika sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Noh berkata, kos dikenakan pihak pelikuidasi yang dilantik mahkamah adalah membabitkan penyelesaian tanggungjawab pemaju asal seperti tercatat dalam Perjanjian Jual Beli asal antara pembeli dan pemaju.

"Kerajaan menyediakan garis panduan pelikuidasi untuk pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai membabitkan dana kerajaan.

"Ia akan dimurnikan bersama pihak berkaitan sebelum dimuktamadkan," katanya.



Daripada 190 projek yang disiapkan atau diselesaikan itu, 32 projek dipulihkan menggunakan dana kerajaan"

**Noh Omar,**  
Menteri Kesejahteraan  
Bandar, Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan